

NO. SOALAN: 502

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

SOALAN :

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah harga pasaran yang memungkinkan pengeluaran minyak di "marginal oil field" boleh dikeluarkan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam keadaan harga pasaran minyak semasa, syarikat-syarikat minyak yang terlibat di dalam pembangunan "*marginal oil field*" berdasarkan konsep *Risk Service Contract (RSC)* masih lagi beroperasi walaupun menikmati margin yang lebih kecil berbanding dengan keadaan sebelumnya.

Penganugerahan setiap RSC adalah unik di antara satu sama lain berdasarkan kepada faktor-faktor yang pelbagai, termasuk jenis "*marginal oil field*" yang akan diusahakan, pengkhususan kerja-kerja teknikal yang diperlukan, keadaan ekonomi semasa, dan keupayaan syarikat-syarikat yang berminat untuk menawarkan keadah pembangunan yang lebih berinovatif dengan kadar kos yang kompetitif. Oleh yang demikian, penentuan harga pasaran yang membolehkan pengeluaran minyak "*marginal oil field*" adalah berbeza dari satu RSC kepada RSC yang lain. Anggaran kasar yang boleh dibuat bagi tujuan ini adalah sekitar USD80 setong.

Sekian. Terima kasih.